



M O N A • V I E

PERMOHONAN PENGEDAR INDIVIDU MALAYSIA

JABATAN PENDAFTARAN BARU MONAVIE

Faks maklumat anda ke 1800-81-5071

Sekiranya Pasukan Pendaftaran Baru MonaVie perlu menghubungi anda berkenaan halaman pendaftaran yang difaks, sila berikan maklumat hubungan berkenaan di bawah.

NAMA

NOMBOR TELEFON

ALAMAT E-MEL

Sila berikan 24 jam untuk pendaftaran yang anda fakskan diproses..

Dipinda

No. ID Pengekar _____

MAKLUMAT PEMOHON/PEMILIK

NAMA KELUARGA	PERTAMA	KEDUA
NO. KAD PENGENALAN		
TARIKH LAHIR (hh/bb/iiii)		

MAKLUMAT Pemohon Bersama (Pasangan)

NAMA KELUARGA	PERTAMA	KEDUA
NO. KAD PENGENALAN		
TARIKH LAHIR (hh/bb/iiii)		

TELEFON MUDAH ALIH	TELEFON MUDAH ALIH PASANGAN	TELEFON RUMAH	FAKS
ALAMAT E-MEL			
ALAMAT SURAT MENYURAT	POSKOD	KAWASAN	NEGERI/DAERAH
ALAMAT PENGHANTARAN (jika berlainan daripada alamat surat menyurat)	POSKOD	KAWASAN	NEGERI/DAERAH

MAKLUMAT PENAJA

NAMA PENAJA	TELEFON	NOMBOR ID PENAJA
-------------	---------	------------------

KATA LALUAN* PEJABAT MAYA (SEMENTARA)

* Membolehkan anda mengakses Pejabat Maya anda selepas pendaftaran. Apabila anda log masuk, anda boleh menukar kata laluan sementara itu. Kata laluan sementara anda hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 8 aksara.

Saya memahami bahawa saya dikehendaki menyertakan satu salinan MyKad kepada pihak monavie dengan borang keahlian ini atau dalam tempoh 45 hari dari tarikh saya menghantar borang ini. Sebarang kelewatan dari pihak saya akan menyebabkan kepada kelewatan sementara ke atas keahlian saya, dimana saya akan di halang daripada membuat sebarang pesanan dan juga menerima komisyen. Saya juga memahami bahawa satu-satunya bayaran yang akan dikenakan untuk menjadi ahli monavie adalah bayaran sekali sahaja iaitu RM60, disertakan sekali satu kit maya yang mengandungi jualan dan alatan demonstrasi dan informasi tentang syarikat yang dikeluarkan oleh Monavie. Saya difahamkan bahawa kit ini tidak mempunyai produk yang boleh memberi komisyen dan sebarang produk yang dibeli yang berkaitan sebagai seorang ahli adalah satu pilihan. Saya membenarkan Monavie untuk mengenakan bayaran RM60 pada kad kredit saya apabila dikehendaki.

NOTIS PENTING: Pengekar MonaVie dilarang daripada menyenaraikan, memasarkan, mengiklankan, mempromosikan, membincangkan, atau menjual produk, perkhidmatan atau peluang perniagaan MonaVie di mana-mana laman web atau pada forum dalam talian yang menawarkan lelongan sebagai mod penjualan (cthnya., eBay, Amazon). Untuk butiran lengkap, sila rujuk Seksyen 4.4.2 Dasar dan Prosedur Pengekar kami. Dengan menurunkan tandatangan di bawah, anda mengakui penerimaan amaran rasmi ini. Mereka yang melanggar dasar ini adalah tertakluk pada penalti tanpa notis lanjut, sehingga dan termasuk penamatan akaun Pengekar MonaVie mereka.

Dengan menandakan kotak ini, saya bersetuju bahawa saya telah membaca dasar jualan terhubung seperti yang diuraikan, dan akan mematuhi dasar tersebut. Saya memahami bahawa kegagalan untuk mematuhi dasar ini boleh menyebabkan penalti tanpa notis lanjut, sehingga dan termasuk penamatan akaun Pengekar MonaVie saya.

TERMA DAN SYARAT

Saya telah menerima, membaca dan bersetuju dengan (i) Terma dan Syarat dalam dokumen ini; (ii) Pelan Pampasan dan (iii) Dasar dan Prosedur ini. Saya bersetuju untuk diikat oleh setiap satu daripadanya. Dasar dan Prosedur serta Pelan Pampasan telah dimasukkan sepenuhnya ke dalam perjanjian ini melalui rujukan. Sekiranya berlaku sebarang ketakselarasan antara perkara yang dinyatakan di atas, pentafsiran akan disifatkan menurut tertib berikut: 1) Rancangan Pampasan; 2) Terma dan Syarat; 3) Dasar dan Prosedur. Sebarang fi permohonan atau wang yang dibayar untuk pesanan produk akan dikembalikan mengikut Adendum B bagi Dasar dan Prosedur ini.

KONTRAK INI TERTAKLUK PADA TEMPOH BERTENANG 10 HARI KERJA

X	tandatangan	tarikh	X	tandatangan	tarikh
---	-------------	--------	---	-------------	--------

TERMA DAN SYARAT

Saya dengan ini menyerahkan Permohonan saya untuk menjadi pengedar bebas bagi produk MonaVie Malaysia. Permohonan saya dan perjanjian ini berkuat kuasa pada tarikh ia diterima oleh MonaVie. MonaVie boleh menerima atau menolak Permohonan saya mengikut budi bicaranya sendiri. Saya mengesahkan bahawa saya dalam lingkungan usia yang sah untuk memasuki kontrak ini.

1. Pihak-pihak. Saya memahami bahawa saya sedang berkontrak dengan MonaVie Malaysia Sdn Bhd ("MonaVie Malaysia") untuk pembelian produknya; dan dengan MonaVie, LLC ("LLC") untuk mempromosikan jualan tertentu seperti yang diuraikan di bawah; dan dengan MonaVie Exporting, Inc. ("MonaVie Exporting") untuk mempromosikan jualan tertentu seperti yang diuraikan di bawah. Selepas ini, MonaVie Malaysia, LLC dan MonaVie Exporting boleh dirujuk secara kolektif sebagai "MonaVie."
2. Perjanjian. Kecuali ditakrifkan sebaliknya dalam dokumen ini, semua istilah yang berhuruf besar akan mempunyai makna yang sama seperti yang diuntukkan kepada istilah yang sama dalam Dasar dan Prosedur. Istilah "Perjanjian" hendaklah membawa maksud Permohonan Pengedar, Pelan Pampasan, dan Dasar dan Prosedur serta sebarang adendum khusus negara yang berkaitan dengannya, dan sebarang perjanjian bertulis yang lain di antara saya dengan MonaVie. Saya dengan ini bersetuju untuk diikat oleh Perjanjian ini
3. Hak. Saya memahami bahawa sebagai pengedar bebas MonaVie, saya mempunyai hak (tetapi bukan kewajipan) untuk:
 - a. membeli produk daripada MonaVie Malaysia menurut Terma dan Syarat ini mengikut kaedah yang MonaVie boleh dari semasa ke semasa benarkan kepada pengedar bebasnya secara am dan hanya mengikut dasar jualan langsung dan bukan melalui rangkaian runcit kecuali setakat dari semasa ke semasa yang dibenarkan oleh MonaVie;
 - b. mencadangkan individu untuk diterima sebagai pengedar MonaVie Malaysia (tertakluk pada penerimaan oleh MonaVie Malaysia);
 - c. jika layak, memperoleh Bonus dan ganjaran lain mengikut Pelan Pampasan yang akan diberikan mengikut dasar yang sama seperti yang dibenarkan kepada pengedarnya secara am, berhubung jualan sah produk MonaVie Malaysia, dan bukan berhubung dengan semata-mata memperkenalkan pengedar baru kepada MonaVie Malaysia sahaja.
4. Pematuhan Undang-Undang. Saya bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dalam perjalanan aktiviti saya sebagai pengedar bebas mengikut perjanjian ini. Khususnya (tetapi tidak terhad), saya tidak boleh membuat sebarang tuntutan yang sebenar atau yang boleh mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Bonus dan ganjaran yang lain yang mungkin diterbitkan daripada pengendalian aktiviti sebagai pengedar bebas MonaVie Malaysia, atau berkaitan produk MonaVie Malaysia.
5. Kontraktor Bebas. Saya bersetuju bahawa sebagai pengedar bebas MonaVie, saya adalah kontraktor bebas, dan bukan ejen, majikan, rakan kongsi, wakil sah ataupun pemegang francais MonaVie. Saya bersetuju bahawa saya akan bertanggungjawab secara tunggal untuk membayar semua perbelanjaan yang dikenakan oleh diri saya sendiri, termasuk tetapi tidak terhad pada perjalanan, makanan, penginapan, kesetiausahaan, pejabat, panggilan telefon jarak jauh, dan perbelanjaan lain. **SAYA MEMAHAMI BAHAWA SAYA TIDAK AKAN DILAYAN SEBAGAI PEKERJA MONAVIE UNTUK APA JUA TUJUAN** dan bahawa MonaVie tidak akan bertanggungjawab atas sebarang cuti sakit, atau perkara yang serupa. Ini bukan kontrak untuk membekalkan perkhidmatan atau pelaksanaan sebarang kerja oleh saya.
6. Pembayaran. Saya memahami bahawa Bonus akan dibayar mengikut Pelan Pampasan semasa dan bahawa saya tidak boleh melanggar perjanjian untuk layak menerima pembayaran. Saya memahami bahawa MonaVie boleh menggantung atau membatalkan pembayaran jika saya melanggar sebarang terma atau syarat Perjanjian ini dan boleh juga mendebit akaun saya jika saya terutang sebarang wang.
7. Pembayaran Balik dan Pengembalian Produk. Saya bersetuju bahawa jika saya menjual semula Produk secara langsung kepada pelanggan, saya akan mematuhi dasar jaminan kepuasan 100% MonaVie Malaysia mengikut Adendum B Dasar dan Prosedur dan akan memberikan pelanggan pembayaran penuh semua wang yang dibayar jika pelanggan memulangkan produknya kepada saya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari transaksi jualan tersebut. MonaVie Malaysia bersetuju untuk menggantikan saya produk yang dikembalikan bagi penggunaannya yang tidak melebihi setengah.
8. Pelarasan pada Bonus. Apabila produk dikembalikan kepada MonaVie Malaysia untuk mendapatkan bayaran balik, bonus yang diperuntukkan kepada produk yang dikembalikan akan dipotong daripada Bonus dalam tempoh Bonus yang pembayaran balik tersebut diberikan, dan diteruskan dalam setiap tempoh bayaran selepas itu sehingga Bonus diperoleh kembali sepenuhnya daripada pengedar yang menerima Bonus bagi penjualan produk yang dipulangkan semula tersebut.
 - a. LLC bertanggungjawab untuk mempromosikan jualan Produk di Amerika Syarikat. Setakat yang jualan boleh diberi ganjaran berlaku di mana Produk dihantar untuk pembelian di Amerika Syarikat, Bonus bagi jualan tersebut, dalam ruang lingkup Pelan Pampasan, akan menjadi tanggungjawab sah, dan akan dibayar oleh, LLC.
 - b. MonaVie Exporting, entiti gabungan MonaVie, bertanggungjawab untuk mempromosikan jualan Produk di peringkat antarabangsa. Untuk kemudahan pentadbiran, Bonus yang dibayar mengikut Pelan Pampasan secara umumnya hendaklah dikeluarkan dalam satu cek tunggal atau instrumen atau transaksi yang serupa, menggabungkan, untuk kemudahan saya, Bonus yang diperoleh melalui jualan di A.S. dan luar A.S.
9. Pindaan. MonaVie mungkin perlu meminda perjanjian dari semasa ke semasa. MonaVie bersetuju untuk memaklumkan saya mengenai pindaan tersebut, yang saya boleh terima atau tolak. Jika saya menolak pindaan tersebut, Perjanjian akan kekal berkuat kuasa sehingga tamat tempoh semasanya atau sehingga penamatan awal perjanjian tersebut.
10. Tempoh dan Penamatan. Tempoh perjanjian ini adalah setahun, tertakluk pada penamatan lebih awal menurut perjanjian ini atau menurut undang-undang. Jika perjanjian ini tidak diperbaharui, atau jika ia ditamatkan atas sebarang sebab, saya memahami bahawa hak saya untuk menjual produk MonaVie Malaysia dan menerima Bonus melalui aktiviti saya sebagai pengedar bebas akan dihentikan. MonaVie berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dari semasa ke semasa **SELEPAS SEMBILAN PULUH (90) HARI DARI PENERIMAANNYA JIKA SAYA TIDAK MEMESAN SEBARANG PRODUK ATAU MENAJA PENGEDAR LAIN** dan selepas 30 hari notis jika MonaVie memilih untuk:
 - (1) menghentikan operasi perniagaan; (2) membubarkan entiti perniagaan; atau (3) menamatkan pengedaran produknya melalui saluran penjualan langsung, atau pada bila-bila masa selepas tidak kurang daripada 7 hari dan tanpa notis lanjut jika pengedar bebas melanggar perjanjian ini dan gagal untuk memulihkan pelanggaran sebelum tamat tempoh notisnya. Saya boleh menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa, dan atas sebarang alasan, selepas memberi notis bertulis kepada MonaVie di cancel@monavie.com atau alamat perniagaan utamanya.
11. Tiada Penyerahan Hak. Saya tidak boleh menyerahkan sebarang

hak di bawah perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada MonaVie, tetapi boleh, atas perbelanjaan saya sendiri, menggunakan perkhidmatan atau mengupah orang lain untuk menjalankannya, atau membantu saya dalam menjalankan aktiviti saya sebagai pengedar bebas.

12. Pelepasan dan penanggungan rugi. Sehingga tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, MonaVie, syarikat induk atau gabungan, pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, orang yang ditugaskan, dan ejennya (secara kolektif dirujuk sebagai "gabungan"), tidak akan bertanggungjawab ke atas, dan saya melepaskan MonaVie dan ahli gabungannya daripada, semua tuntutan ganti rugi terbitan dan teladan bagi sebarang tuntutan atau kuasa tindakan yang berkaitan dengan perjanjian ini atau yang berpunca daripada promosi atau operasi perniagaan MonaVie saya serta sebarang aktiviti yang berkaitan dengannya, kecuali seperti yang berkaitan dengan kualiti dan kesesuaian produk MonaVie Malaysia yang MonaVie Malaysia bertanggungjawab ke atasnya. Saya seterusnya bersetuju untuk melepaskan pada tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, MonaVie dan ahli gabungannya daripada semua liabiliti yang berpunca daripada atau berkaitan dengan: (a) pelanggaran perjanjian ini oleh saya; (b) kenaikan pangkat atau operasi perniagaan MonaVie saya dan sebarang aktiviti yang berkaitan dengannya, termasuk, tetapi tidak terhad pada, pembentangan produk MonaVie Malaysia atau Pelan Pampasan, pengendalian kenderaan bermotor, pajakan kemudahan mesyuarat atau latihan, dsb., dan bersetuju untuk menanggung kerugian MonaVie dan gabungannya terhadap sebarang liabiliti, ganti rugi, denda, penalti; (c) sebarang data atau maklumat yang salah yang diberikan oleh saya kepada MonaVie; (d) kegagalan saya untuk memberikan sebarang maklumat atau data yang perlu untuk MonaVie menjalankan perniagaannya; atau (e) award yang berpunca daripada sebarang kelakuan yang tidak dibenarkan yang saya lakukan dalam menjalankan perniagaan saya. Saya seterusnya bersetuju untuk menanggung kerugian MonaVie terhadap sebarang liabiliti, ganti rugi, denda, penalti atau sebarang award lain yang berpunca daripada sebarang kelakuan saya yang tidak dibenarkan yang saya lakukan dalam mengendalikan perniagaan MonaVie saya.
13. Privasi. MonaVie komited untuk mengumpulkan dan menggunakan maklumat peribadi secara adil dan menurut undang-undang, memastikan ketepatannya, menyimpan maklumat peribadi hanya untuk tujuan yang sah sahaja, bukan menggunakan atau mendedahkan maklumat tersebut secara yang tidak sesuai dengan tujuan tersebut, dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya terhadap akses, pendedahan dan pemusnahan yang tidak dibenarkan. Selain maklumat peribadi yang diberikan oleh pengedar berhubung dengan permohonannya untuk menjadi pengedar, pengedar tersebut mengakui bahawa maklumat peribadi lain akan dikumpulkan oleh MonaVie, termasuk maklumat yang dijana hasil daripada kerjanya sebagai pengedar, seperti angka jualan dan gambar butiran prestasi, maklumat kemajuan, status, atau maklumat mengenai perniagaan lain yang secara kolektifnya dirujuk sebagai "Maklumat Peribadi"). Saya mengakui bahawa Maklumat Peribadi akan disimpan oleh MonaVie dan akan digunakan oleh MonaVie untuk tujuan pemasaran dan pendaftaran. Saya mengakui bahawa MonaVie boleh mendedahkan maklumat peribadi ini berhubung dengan tujuan tertentu dari semasa ke semasa kepada ahli lain kumpulan MonaVie dan kepada pengedar yang lain, kesemuanya boleh berkomunikasi dengan saya, termasuk melalui mesej elektronik. Saya membenarkan MonaVie untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan mendedahkan maklumat Peribadi yang dirujuk di atas. Maklumat tersebut akan disimpan oleh MonaVie. Saya memahami bahawa saya mempunyai hak untuk mengakses, dan membetulkan maklumat ini.
14. Penamatan. Selepas penamatan perjanjian ini atas sebarang jua sebab pun, saya hendaklah secara serta merta menghentikan penggunaan sebarang bahan MonaVie yang dibenarkan hanya untuk kegunaan pengedar, mengembalikan sebarang bahan bercetak atau sebarang maklumat yang diberikan atau tersedia oleh MonaVie bagi kegunaan eksklusif pengedarnya atas permintaan MonaVie, dan melakukan tindakan dan perkara lain seperti yang secara munasabah dikehendaki oleh MonaVie untuk menghapuskan sebarang pengenalatan atau representasi bahawa saya pengedar yang dikaitkan dengan MonaVie.
15. Pembungkusan dan Pelabelan. Saya bersetuju untuk mengelakkan diri daripada melabelkan semula atau membungkuskan semula produk MonaVie.
16. Kelewatan. MonaVie tidak bertanggungjawab atas kelewatan dalam menjalankan kewajibannya di bawah perjanjian ini apabila pelaksanaan tidak praktikal dari segi komersil dan keadaan adalah di luar kawalan yang munasabah.
17. Perjanjian keseluruhan. Perjanjian ini membentuk seluruh kontrak di antara MonaVie dan diri saya sendiri. Sebarang janji, representasi, tawaran atau komunikasi lain yang tidak dikemukakan secara nyata dalam perjanjian tidak berkuat kuasa dalam kontrak.
18. Penepian. Sebarang variasi atau penepian bagi sebarang pelanggaran Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak kedua-dua pihak (dalam hal variasi/ perubahan), atau oleh atau bagi pihak yang berusaha mendapat penepian tersebut. Sebarang penepian bagi sebarang pelanggaran terhadap perjanjian ini tidak akan beroperasi atau ditafsirkan sebagai penepian bagi sebarang pelanggaran yang seterusnya.
19. Pengasingan. Jika sebarang peruntukan perjanjian diputuskan sebagai tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan, peruntukan tersebut hendaklah diperbaharui hanya setakat yang perlu untuk membuatnya boleh dilaksanakan dan baki perjanjian akan terus berkuat kuasa.
20. Salinan faks Perjanjian akan dalam setiap keadaan disifatkan sebagai salinan asal.
21. Penyelesaian Pertikaian. Semua pertikaian dan dakwaan yang berkaitan dengan MonaVie, perjanjiannya, atau sebarang dakwaan lain atau kuasa tindakan yang berkaitan dengan pelaksanaan saya atau pengedar lain hendaklah diselesaikan sepenuhnya dan secara muktamad seperti yang dikemukakan dalam Dasar dan Prosedur. Tiada sesuatu dalam perjanjian ini boleh menghalang MonaVie daripada mengenankan dan mendapatkan writ penahanan, garnisan, injunksi sementara, injunksi awal, injunksi kekal atau relief keadilan daripada sebarang mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk memelihara dan melindungi kepentingannya sebelum, semasa dan sesudah memfailkan sebarang penimbangtaraan atau prosiding lain atau sementara menunggu pengeluaran keputusan atau award berhubung sebarang penimbangtaraan atau prosiding lain.
22. Bidang kuasa dan Tempat. Pihak-pihak yang berkaitan bersetuju terhadap bidang kuasa dan tempat di hadapan mana-mana mahkamah persekutuan atau negeri di Salt Lake County, Negeri Utah, untuk tujuan menguatkuasakan award oleh penimbang tara mengenai sebarang perkara lain yang tidak tertakluk pada penimbangtaraan ini. Sekiranya berlaku pertikaian, pihak yang mengatasi akan dibayar balik fi peguam dan kos perjalanan dan penginapan yang munasabah oleh pihak yang satu lagi.
23. Tempoh Bertenang. Anda boleh membatalkan Perjanjian ini dalam masa 10 hari perniagaan selepas hari ia telah dimuktamadkan. Sila lihat Tambahan 1.
24. Bagi setiap pembelian Produk yang dibuat oleh Pengedar, MonaVie Malaysia akan mengeluarkan resit jualan yang akan mengandungi maklumat yang berikut:

- a. huraian terperinci mengenai Produk yang dijual;
- b. jumlah keseluruhan yang perlu dibayar atau disediakan oleh Pengedar, atau jika jumlahnya tidak dapat dipastikan pada masa kontrak ini dibuat, cara ia akan dikira;
- c. masa, tempat dan kaedah pembayaran yang perlu dibuat;
- d. masa dan tempat untuk penghantaran Produk; dan
- e. notis dalam borang berkenaan yang mungkin ditetapkan, yang memaklumkan Pengedar mengenai haknya untuk membatalkan kontrak sebelum tempoh bertenang. Notis pembatalan hendaklah sebahagian besarnya tertera di dalam borang seperti yang ditetapkan dalam Tambahan 1.

Contoh notis dilampirkan di bawah agar mudah anda membuat rujukan.

TAMBAHAN 1 NOTIS HAK PEMBATALAN SEBELUM TAMAT TEMPOH BERTENANG

Kepada: _____

(Masukkan nama dan alamat pengedar)

Ambil perhatian bahawa anda mempunyai hak untuk membatalkan kontrak sebelum tamat tempoh bertenang, iaitu, sebelum berakhirnya tempoh 10 hari kerja bermula pada hari selepas tarikh kontrak ini dibuat dengan memberi notis secara bertulis dalam Borang seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II di bawah.

Tarikh: _____

Ditandatangani: _____

Nama: _____ *(MonaVie Malaysia)*

Alamat: _____

(Sila Ceraikan Di Sini)

BAHAGIAN II

(Masukkan nama dan alamat MonaVie Malaysia)

Sila ambil perhatian bahawa saya dengan ini membatalkan kontrak yang telah saya buat pada _____ hari bulan _____ 2010 untuk menjadi pengedar MonaVie/atau untuk membeli produk MonaVie.(masukkan huraian tepat mengenai barangan tersebut) _____.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 2010

(Masukkan tandatangan, nama dan alamat bakal Pengedar)

Ditandatangani: _____

Nama: _____

Alamat: _____

